

PEMBUKAAN LORONG TAMBAHAN DI PLAZA TOL RAWANG SELATAN (EXIT 115) DIJANGKA LANCARKAN TRAFIK KE GAMUDA GARDENS DAN KAWASAN SEKITAR

Petaling Jaya, 13 Jun 2025 :- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) hari ini telah membuka lorong tambahan di **Plaza Tol Rawang Selatan (Exit 115)** pada jam **10:45 pagi, hari ini**. Pembukaan lorong tambahan ini dijangka dapat melancarkan aliran trafik di plaza tol berkenaan, khususnya bagi pengguna yang menuju ke Gamuda Gardens dan Kundang.

Trafik harian di Plaza Tol Rawang Selatan kini telah mencatat hampir 29,000 kenderaan sehari. Langkah ini dijangka mampu menyuraikan antara 14% hingga 19% trafik sedia ada pada waktu puncak. Peningkatan ini memberi impak positif bukan sahaja kepada komuniti sekitar Gamuda Gardens, tetapi juga kepada penduduk di kawasan sekitar seperti Rawang, Kundang dan Sungai Buloh serta pengguna harian Lebuhraya Utara-Selatan secara keseluruhan. Dengan adanya tiga lorong tambahan di plaza tol ini, aliran trafik dapat diagihkan sekali gus menjimatkan masa perjalanan, mengurangkan tekanan, dan memberi lebih keselesaan kepada pengguna lebuhraya.

Inisiatif ini telah direalisasikan hasil kerjasama erat serta sokongan berterusan daripada Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Jabatan Kerja Raya, PLUS dan juga pihak pemaju, Gamuda Berhad. PLUS merakamkan penghargaan kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat atas komitmen dan kepercayaan yang telah diberikan.

PLUS akan terus berusaha untuk meningkatkan pembangunan infrastruktur lebuhraya serta kemudahan fasiliti selari dengan nilai korporat PLUS yang mengutamakan aspek keselesaan, keselamatan dan kelestarian komuniti di sepanjang jajaran lebuhraya kendaliannya.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad	Rofina Adam
Pemangku Ketua	Pengurus
Komunikasi Korporat	Komunikasi Korporat
PLUS Malaysia Berhad	PLUS Malaysia Berhad
Telefon Bimbit: 013-2097092	Telefon Bimbit: 012-657 4452
Emel: mashitah@plus.com.my	Emel: rofina@plus.com.my

OPENING OF ADDITIONAL LANES AT RAWANG SELATAN TOLL PLAZA (EXIT 115) EXPECTED TO SMOOTHEN TRAFFIC TO GAMUDA GARDENS AND SURROUNDING AREAS

Petaling Jaya, 13 June 2025 :- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) is pleased to announce the official opening of three additional lanes at the **Rawang Selatan Toll Plaza (Exit 115)** at **10:45 AM** today. The new lanes are expected to significantly improve traffic flow at the plaza, especially for motorists heading towards Gamuda Gardens and Kundang.

Currently, the Rawang Selatan Toll Plaza handles up to 29,000 vehicles daily. The added capacity is projected to disperse the existing peak-hour traffic by 14% to 19%. This improvement has a positive impact not only on the Gamuda Gardens community but also on residents of surrounding areas such as Rawang, Kundang and Sungai Buloh as well as regular highway users of North-South Expressway.

This initiative was made possible through the close collaboration of the Ministry of Works, Malaysia Highway Authority, Public Works Department, PLUS and the developer, Gamuda Berhad. PLUS extends its sincere appreciation to all stakeholders for their commitment and support in realising this project.

PLUS remains committed to improving its infrastructure and services, in line with its corporate values which emphasises on comfort, safety and sustainability for the communities along its expressway network.

-END-

MEDIA CONTACT:

Mashitah Mohd Arshad Acting Head Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Mobile: 013-209 7092 Email: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Manager Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Mobile: 012-657 4452 Email: rofina@plus.com.my
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------